

# SIARAN MEDIA

Untuk Terbitan Segera



Komunikasi Korporat Kumpulan  
Level 31, Menara Bank Islam  
No. 22 Jalan Perak  
50450 Kuala Lumpur  
Telefon 03 2088 8000  
Faks 03 2781 2998  
[www.bankislam.com.my](http://www.bankislam.com.my)

## BANK ISLAM RAI PEMENANG CABUTAN AL-AWFAR

*Bawa pulang hadiah berjumlah RM2.85 juta*

**KUALA LUMPUR, Isnin, [24 Februari 2020]:** Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank Islam") hari ini meraikan tujuh pemenang bagi cabutan Al-Awfari Disember 2019 yang terdiri daripada kategori Cabutan 1 Juta dan Cabutan Khas alam satu majlis yang diadakan di Menara Bank Islam. Nilai keseluruhan hadiah yang disampaikan kepada para pemenang tersebut adalah **RM2.85 juta**.

Al-Awfari merupakan akaun pelaburan inovatif berasaskan konsep *Mudarabah* yang memberi peluang kepada pelanggan untuk memenangi hadiah wang tunai dan ganjaran bernilai lebih RM14 juta setahun.

Di Majlis Penyampaian Hadiah Al-Awfari, dua orang pelanggan terpilih dari Pahang telah diumumkan sebagai Jutawan Al-Awfari yang baharu iaitu **Encik Mohamad Rafezi Jamaluddin** dari **Kuantan** dan **Puan Jamaliah Abdullah** dari **Jerantut**, masing-masing membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM1 juta.

Sejak diperkenalkan di pasaran pada tahun 2009, kini Bank Islam telah melahirkan seramai **26 Orang Jutawan** Al-Awfari.

Turut diraikan pada majlis berkenaan juga adalah pemenang-pemenang kategori **Cabutan Khas**. **Puan Azrenda Mohd Ismail** dari **Muar** memenangi hadiah utama berupa sebuah kereta Mercedes C200 Avantgarde, manakala empat buah kereta Honda Civic 1.5TC-P dibawa pulang masing-masing oleh **Encik Zainal Abas** dari **Seremban**; **Puan Nor Aine Ibrahim** dari **Kodiang**; **Cik Nur Syahirah Zainal Abidin** dan **Encik Abdul Rahman Omar**, kedua-duanya dari **Shah Alam**.

Menyempurnakan penyampaian hadiah tersebut kepada para pemenang ialah Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam, Encik Mohd Muazzam Mohamed. Turut hadir, Ketua Pegawai Perniagaan, Encik Mizan Masram dan Ketua, Deposit dan Pengurusan Tunai, Encik Mohd Noor Jab.

Encik Mohd Muazzam berkata, "Sejak 2009, Al-Awfari terus mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada pasaran. Malah, setakat Januari 2020, produk pelaburan kami ini merekodkan saiz dana berjumlah RM2.93 bilion menerusi 868,710 akaun. Angka tersebut menunjukkan keyakinan para pelanggan terhadap Al-Awfari. Justeru, kami sentiasa berusaha untuk memastikan produk pelaburan ini kekal relavan dan terus menarik pasaran," tambahnya.

Bagi memastikan tawaran produk Al-Awfar terus menepati keperluan pelanggan, Bank Islam berhasrat untuk memperkenalkan beberapa kempen baharu.

Encik Mohd Muazzam berkata, "Kami sedang merancang untuk memperkenalkan **Kempen Gen Z** yang menyasarkan pelanggan berusia dari 18 hingga 28 tahun atau lebih dikenali sebagai "Gen Z dan Milenial". Kempen ini menawarkan hadiah berupa wang tunai atau gajet secara mingguan atau dua minggu sekali. Kami sedang berusaha dengan KiplePay Sdn Bhd, rakan strategik Bank Islam bagi program KipleUNI yang baru dilancarkan, untuk menambah baik hadiah yang ditawarkan agar kempen ini lebih menarik".

**Kempen Elit** pula akan diperkenalkan bagi memberi gandaan peluang kelayakan untuk cabutan Al-Awfar untuk pelanggan yang melabur dana baharu ke dalam akaun Al-Awfar mereka.

Terdapat tiga kategori kelayakan Al-Awfar mengikut jumlah dana baharu yang dilabur iaitu:

- RM10,000 - 5 kelayakan unit
- RM50,000 - 7 kelayakan unit
- RM100,000 dan ke atas - 10 kelayakan unit

"Kempen-kempen baharu ini diperkenalkan bertujuan untuk meningkatkan lagi akses pelaburan kepada segmen-segmen pelanggan baharu dan lebih khusus. Ini juga bermatlamat untuk menggalakkan serta meningkatkan kesedaran umum terhadap kelebihan pelaburan bagi masa depan, sekali gus memperkuuhkan lagi jenama Al-Awfar Bank Islam," tambah Encik Mohd Muazzam.

Untuk menyertai peluang keemasan ini, individu berminat boleh mendapatkan maklumat lanjut dan membuat langganan produk Al-Awfar di kesemua 144 cawangan Bank Islam di seluruh negara atau melayari laman [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com).

---

#### **Mengenai Bank Islam**

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad ditubuhkan pada 1983 sebagai Bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 144 cawangan dan lebih daripada 1000 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan masyarakat beragama Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila lawati [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com) atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

<b>Wan Norkhairi Wan Samad</b> Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Tingkat 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Tel.bimbit: 019-339 4491 Faks: 03-2781 2998 Emel: <a href="mailto:wworkhairi@bankislam.com.my">wworkhairi@bankislam.com.my</a> Web: <a href="http://www.bankislam.com">www.bankislam.com</a> .	<b>Omar Atin</b> Penolong Timbalan Presiden, Perhubungan Awam BIMB Holdings Berhad Tingkat 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Tel. bimbit: 019-391 9144 Faks: 03-2781 2998 Emel: <a href="mailto:omar@bimboldings.com">omar@bimboldings.com</a> Web: <a href="http://www.bimboldings.com">www.bimboldings.com</a>
---	--

